Saudara saudari yang dimuliakan, adakah kamu berfikir sebelum ini tentang agama? Adakah kamu mendapati perselisihan pendapat tentang perkara ini? Adakah kamu mendapati adanya permusuhan yang timbul antara satu bangsa dengan bangsa yang lain?

Sesungguhnya setiap individu mempercayai bahawa dia menganut agama yang betul sekalipun yang disembah itu hanyalah seketul batu yang dia muliakan sebagai tuhan.

Adakah kamu mendapati manusia berta'sub terhadap apa yang dia pegang? Saya percaya bahawa pemikiranmu sedang diselubungi dengan persoalan-persoalan ini, boleh jadi ianya telah membawa kamu kepada satu noktah bahawa perkara yang betul itu ialah adanya satu agama untuk semua manusia, kerana tuhan itu satu, maka tuhan itu tidak meredhai adanya berbilang agama yang dapat diterima oleh semua peringkat manusia. Wajiblah ke atas setiap manusia merasai secara sepontan tanpa diberitahu bahawasanya

hendaklah ia mengikuti perkara-perkara asas yang berikut:

1. Membenarkan adanya tuhan yang satu yang disembah (kerana berbilang-bilang tuhan itu membinasakan alam)
2. Melakukan kebaikan kepada saudara-saudaranya yang lain.
3. Mempercayai bahawasanya Allah telah mengutuskan utusan-utusannya untuk menerangkan kepada manusia kedua perkara tadi.

Apabila kamu berfikir tentang perkara-perkara ini kamu akan bertanya kepada diri kamu adakah agama ini wujud secara sebenar-benarnya?

Ya! Sememangnya ianya wujud semenjak bermulanya kewujudan alam. Sesungguhnya agama yang tunggal ini Allah telah mengadakannya. Allah mewahyukan agama ini kepada utusan-utusanNya yang diutuskan kepada manusia.

Allah telah berfirman : "

yang bermaksud : " *Sesungguhnya agama*

yang diterima di sisi Allah hanyalah Islam”.
Firman Allah Ta`ala lagi : “
Yang bermaksud : “*Barangsiapa yang memilih agama yang lain dari agama Islam maka ia tidak diterima dan dia tergolong dari kalangan orang-orang yang rugi”.*

Maka agama ini milik Allah, sebahagian manusia telah tersilap lalu menyatakan agama yang tunggal ini dengan nama nabi-nabi mereka yang diutuskan pada zaman-zaman tertentu. Kesilapan di dalam pemberian nama agama ini adalah punca perselisihan dan keta`asuban yang wujud di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain, sehingga pembahagian tersebut telah dilupakan oleh manusia.

Islam disebut dengan nama Al-Muhammadiah, dinisbahkan kepada nabi Muhammad s.a.w sebagaimana agama-agama yang lain dipanggil dengan nama rasul-rasul mereka, sekalipun semua mereka itu mengajak atau menyeru kepada tuhan yang satu (Allah).

Sesungguhnya saya merasai bahawa menjadi kewajipan saya memperjelaskan secara ringkas erti agama ini (Islam). Apabila penganut-penganut agama yang lain jahil terhadap Islam dan ajaran-ajarannya, kejahilan mereka itu membawa mereka kepada menentang Islam dari permulaan lagi dan tidak mahu memahami asas-asas agama ini. Lalu mereka tidak dapat mencapai satu faedah yang mengandungi perkara yang sangat penting.

Perkataan Islam memberi erti kesejahteraan antara sesama manusia dan tunduk kepada perintah Allah, ia juga memberi erti keselamatan antara seorang individu dengan dirinya dan dengan orang lain dan bertakwa kepada Allah Ta`ala.

Semua maksud ini disebut di dalam al-Quran, di mana seseorang individu itu dapat belajar bagaimana dia handak mensucikan dirinya dengan cara dia beramal dengan apa yang terkandung dalam al-Quranulkarim.

Sesungguhnya nabi Muhammad s.a.w merupakan nabi yang terakhir yang membawa agama Islam tetapi bukanlah hanya dia seorang yang menjadi nabi. Maka orang-orang Islam mempercayai nabi-nabi yang telah lalu. Mereka itu beriman dengan nabi Ibahim, Musa dan nabi Isa alaihissalam. Allah Ta`ala telah mengutuskan rasul-rasulNya kepada manusia supaya manusia melaksana perintah Allah dan agar mereka itu dapat hidup dalam kehidupan yang diredhai oleh Allah. Al-Quran merupakan kitab suci bagi ajaran Islam yang

mengandungi ajaran yang sebenar bagi kesemua kitab-kitab suci.

Allah berfirman :

“ *Dan kami turunkan kepada kamu wahai Muhammad kitab al-Quran dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memlihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (ahli kitab itu) dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu) dan janganlah engkau ikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada antara kamu, kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama yang wajib diikuti oleh masing-masing. Dan kalau Allah menghendaki nescaya ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi ia hendak menguji kamu (dalam*

menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semua, maka ia akan memberitahu kepada kamu apa yang kamu berselisih padanya" . Al-Maidah ayat 48.

Iman

Sesungguhnya Islam mengajar orang-orang Islam beriman dengan tuhan yang satu, iaitu Allah dan dengan para Malaikat dan dengan kitab al-Quran dan dengan nabi-nabi dan dengan hari kebangkitan selepas mati, dan dengan hari Kiamat,

Allah berfirman :

" *Barangsiapa yang mengkufuri Allah dan MalaikatNya, dan kitab-kitabNya, dan rasul-rasulNya, dan hari Akhirat, sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh* ".

Orang-orang Islam mempercayai adanya perbezaan antara baik dan buruk, setiap apa yang dicipta oleh Allah adalah baik. Apabila digunakan apa yang dicipta oleh Allah menurut apa yang diredhai oleh Allah, maka ianya akan membawa kita kepada kebahagiaan, tetapi sekiranya kita tidak menggunakannya dengan cara yang betul, ianya akan membawa kita kepada keburukan dan tiada penyelesaian.

Allah berfirman :

“ *Barangsiapa yang beramal dengan amalan yang soleh maka ianya untuk kebaikan dirinya, barangsiapa melakukan kejahatan maka ianya akan membinasakan dirinya dan tidaklah tuhanmu menzalimi hambaNya* ”.

Surah Fussilat, ayat 46.

Allah

Orang-orang Islam semuanya sembahyang menyembah tuhan yang satu iaitu Allah, dialah yang maha berkuasa maha mengetahui yang

bersifat adil yang memberi pertolongan kepada seluruh makhluk. Dia tidak beranak dan tidak dilahirkan. Dialah yang menerangi langit dan bumi, dan dia bersifat pemurah dan penyayang. Adanya dia tanpa permulaan, adanya dia tanpa pengakhiran dan dialah yang kekal.

Dasar-dasar Islam

Sesungguhnya rukun-rukun yang disebut ini wajiblah ke atas orang Islam melaksanakannya :

1) Mempercayai sepenuh hati bahawa tiada tuhan melainkan Allah.
2) Sembahyang untuk mensucikan badan, hati dan mensucikan ruh.
3) Berpuasa, kerana dengan sihatnya badan dan ruh maka akan sembuhlah seluruh jasad, dan mendidik perasaan agar dapat berkomunikasi dengan cara yang terbaik sesama manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan serta mengajar manusia bersabar dan menguatkan kehendak dan himmah.
4) Mengeluarkan zakat, di mana wajiblah

atas orang kaya kasihanbelas kepada orang miskin dan memberi kepada orang miskin daripada hartanya yang asal sebanyak 2.5 peratus setiap tahun Hijri. Apabila harta tersebut mencukupi nisab iaitu apabila mencapai nilainya 85 gram emas. Sekalipun tidak dituntut keluarkan lebih daripada yang tersebut. Namun sewajarnya bagi orang kaya hendaklah menjadikan kebaikannya itu melimpah lebih dari itu. Sesungguhnya saya mempercayai bahawa kewajipan yang paling mulia sekali bagi setiap mukmin ialah membantu orang fakir dan belas kasihan terhadapnya.

5) Mengerjakan Haji ke Mekah. Wajiblah ke atas setiap orang Islam pergi sekurang-kurangnya sekali seumur hidup ke Mekah apabila memiliki kemampuan. Dan dia pergi ke sana bukan tujuan untuk menyembah berhala atau menyembah nabi tetapi hanyalah untuk mengamati dan menghayati kesucian Islam itu sendiri, dan bersyukur pada Allah, dan dengan ini dia

telah menunaikan hajinya di samping itu juga berpeluangnya orang-orang yang mengerjakan haji yang datang dari pelbagai pelusuk untuk berkenal-kenalan dan meneguhkan ikatan kasih sayang sesama mereka.

Tiada Paksaan Dalam Agama

Al-Quran mengajar kita bahawasanya tidak wajib memaksa seseorang supaya beriman dengan sesuatu sepertimana al-Quran juga melarang menggunakan cara kekerasan. Peperangan-peperangan yang berlaku dalam sejarah Islam ianya bertujuan untuk mempertahankan agama dan akidah tetapi ada beberapa ketika sebahagian daripada pemerintah-pemerintah Islam berperang dengan tujuan untuk mendapatkan harta dan kepentingan-kepentingan dunia. Oleh yang demikian mereka telah turun daripada ketinggian dan puncak keagungan yang telah dicapai oleh golongan terdahulu yang mengikut ajaran Islam yang betul. Oleh yang demikian tidak wajarlah bagi kita mencela

Islam di sebabkan kesilapan segelintir itu kerana Islam sendiri melarang peperangan-peperangan seumpama ini. Sesungguhnya pengikut-pengikut agama lain menganggap peperangan seumpama ini adalah tuntutan agama Islam sedangkan Islam tidak menuntut perkara tersebut.

Sesungguhnya Islam memberi kepadamu kebebasan berfikir dan bertindak. Sesungguhnya Islam mengangkat ruh manusia dengan tidak mengambil jalan kekerasan. Dan dengan itu dapatlah manusia hidup dalam keadaan aman dan damai.

Sesungguhnya kamu tidak perlu kepada syiar-syiar tertentu untuk menjadi seorang Islam. Islam bukan sahaja agama praktikal yang tersebar luas tetapi ia juga merupakan agama yang serasi dengan tabiat kejadian manusia. Maka setiap kanak-kanak dengan tabiat semulajadinya itu boleh menjadi seorang muslim.

Sabda rasulullah s.a.w :

“ *Setiap kanak-kanak itu dilahirkan dalam*

keadaan putih bersih (fitrah) maka kedua ibubapanyalah yang mencorakkannya samada Yahudi atau Nasrani atau Musyrik ” . Riwayat Ahmad.

Saya Seorang Islam (Lelaki yang Sukakan Perdamaian) :

1) Saya mempercayai tuhan yang satu (Allah) dialah yang tunggal iaitu tidak menerima berbilang-bilang, dia ada bersama kita semua.

   Allah berfirman :
   “ *Dia bersama kamu dimana sahaja kamu berada* ” . Surah al-Hadid ayat 4.

   Adanya Allah itu tanpa tertakluk kepada sempadan sesuatu tempat, tidak ada disana sesuatupun yang menyamainya, dan dialah yang mencipta segala-galanya. Dan saya mempercayai semua utusan-utusannya tanpa membeza-bezakan antara nabi Musa, Isa atau Muhammad s.a.w. Saya tidak mengharapkan pertolongan dan

petunjuk bagi segala dosa saya melainkan Allah sahaja tanpa menggunakan apa-apa perantaraan. Saya mengingati Allah pada setiap waktu dan ketika. Saya menyedari kewujudanNya di dalam diri saya dan persekitaran saya dimana sahaja saya berada. Dialah yang akan membalas setiap amalan saya, dan saya mentaati segala perintahNya sepertimana yang tekandung dalam al-Quranulkarim.

2) Saya melaksanakan segala tuntutan ajaran Islam, saya sembahyang, berpuasa, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji di Mekah. Di haramkan ke atas saya membunuh diri sendiri atau membunuh orang lain. Islam menuntut manusia agar hidup dalam keadaan aman dan damai. Saya tidak berzina dan saya menjauhi segala dorongan-dorongan atau ajakan-ajakan yang boleh membawa saya kepada kesesatan. Kita semua menyedari bahawa manusia itu dicipta dengan memiliki sifat yang lemah.

Allah berfirman :

“ Barangsiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja maka balasannya ialah neraka Jahannam kekal ia di dalamnya serta mendapat kemarahan dan laknat Allah terhadapnya dan Allah sediakan baginya azab yang amat besar ”. An Nisa`, ayat 93.

Allah berfirman :
“ Jangan kamu hampiri zina, kerana zina itu satu kekejian dan seburuk-buruk jalan ”. Al Isra`, ayat 32.

3) Sesunguhnya kebahagiaan yang sebenar ialah suatu yang kita dapat capai ia tanpa kita rasa menyesal selepas daripada itu. Kebahagiaan ini akan tercapai dengan hubungan yang terus dengan Allah di samping memiliki diri yang dipelihara oleh kekuatan ruh. Contoh yang demikian sepertimana kisah lelaki yang berzina, hatinya melarang tetapi oleh kerana terkesan daripada minum arak lalu dia

menuruti kehendak nafsunya yang jahat, sehingga dia sanggup membunuh lelaki yang soleh yang menghalang dia daripada menghampiri saudara perempuannya. Dia telah membunuh lelaki tadi ketikamana bertelingkah dengannya dalam keadaan dia mabuk. Dan dari ini kita menyedari arak itu punca segala jenayah.

4) Saya tidak bermain judi walau sedikitpun darinya, kerana orang yang bermain judi tidak menghargai rezekinya. Jika kamu meletakkan rezekimu atau hartamu di tempat perjudian atau seumpamanya ianya merupakan satu kehinaan kepada dirimu dan keperibadianmu.

Allah berfirman :

“ Wahai orang-orang yang beriman bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan menilik nasib dengan batang-batang anak panah adalah semuanya kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu

menjauhinya supaya kamu berjaya" . Surah al-Ma`idah, ayat 90.

5) Seorang muslim itu tidak meminjam atau tidak memberi pinjam dengan riba, kerana riba itu jalan menuju kepada kebinasaan. Bagi seseorang muslim bolehlah memberi pinjam hartanya jika dia mampu demi untuk membantu orang-orang yang berhajat. Di bolehkan baginya mengambil sesuatu sebagai jaminan untuk kembalikan harta yang diberi pinjam. Tetapi dia tidak harus menggunakan barang-barang jaminan tadi jika sekiranya ia berbentuk barangan yang diambil manfaat oleh penghutang, seperti keperluan asas dalam rumahtangga.

Allah berfirman:

"Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang beriman. Oleh itu kalau

kamu tidak juga melakukan perintah larangan riba itu, maka ketahuilah kamu, akan adanya peperangan dari Allah dan rasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat) dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu yang sebenarnya ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa. Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya (dan sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu Allah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui"). (Pahalanya yang besar yang akan kamu dapati kelak).

Surah Al-Baqarah 278-280.

6) Seseorang muslim itu tidak harus mengumpat dan menyebar fitnah terhadap seseorang. Orang-orang yang melakukan perbuatan itu samalah seperti orang yang memakan daging saudaranya yang telah

mati. Maka ini terkena kepada orang-orang yang memburuk-burukkan maruah orang lain di belakang mereka tanpa memberi peluang kepada mereka untuk mempertahankan diri mereka.

Allah berfirman:

“ Sesungguhnya orang-orang muslim itu bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudaramu (yang bertelingkah) dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat “). Firman Allah Taala (“ Wahai orang-orang yang beriman janganlah sesuatu puak dari kaum lelaki mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuh itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula sesuatu puakdari kaum perempuan mencemuh dan merendahkan puak perempuan yang lain (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah sesetengah kamu mengatakan keaiban sesetengah yang lain,dan janganlah pula kamu panggil memanggil

antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk, (larangan-larangan tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik kepada seseorang sesudah ia beriman dan (ingatlah) sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) merekalah orang-orang yang zalim") Dan Firman Allah Taala lagi, ("Wahai orang-orang beriman jauhilah kebanyakkan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa. Dan janganlah kamu mengintip dan mencari-cari kesalahan dan keaiban orang. Dan janganlah sesetengah kamu mengumpat sesetengah yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudara yang telah mati?. (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan tersebut) bertakwalah kamu kepada Allah,

sesungguhnya Allah penerima taubat lagi Maha Mengasihinimu" Surah Hujurat ayat 10-12

7) Iman dan amal: Iman tanpa amalan adalah iman yang tidah sempurna. Iman sahaja tidak memadai selama mana ia tidak menjurus kepada amalan. Orang-orang Islam mempercayai bahawa akan dikira (hisab) segala amalan mereka sama ada di dunia mahupun di akhirat. Setiap orang Islam bertanggungjawab terhadap kewajipannya. Maka tidak ada seorang pun yang mampu menanggung kesalahan orang lain.

   Allah berfirman:
   (*"Demi masa sesungguhnya manusia berada dalam kerugian. Melainkan orang-orang beriman dan beramal dengan amalan yang soleh, mereka itu berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran").*
   Surah Al-Asr.

ISLAM DAN MASYARAKAT

Kedudukan wanita menurut Islam

Lelaki dan wanita berasal daripada unsur yang sama. Setiap daripada mereka diberi kelebihan oleh Allah dari segi kemampuan berfikir dan penciptaan supaya dapat dimanafaatkan. Islam mentaklifkan kepada lelaki dan wanita beberapa tanggungjawab serta mengambil kira kemampuan wanita dalam menghadapi permasalahan hidup mengikut tahap tertentu. Mereka perlulah melaksanakan tanggungjawab hidup berdasarkan asas-asas yang sesuai dengan tabiat masing-masing. Antara bentuk tabiat wanita muslim ialah sebagai isteri mentaati suami dan sebagai ibu mengasuh anak atau dengan makna lain dia perlu menghabiskan sebahagian besar waktunya dalam menjaga dan mengurus rumah sebagai kewajipan yang

asas ke atasnya.

Apabila wanita terpaksa keluar untuk bekerja maka mestilah dia perlu menjaga prinsip-prinsip Islam dan memilih pekerjaan yang sesuai dengan naluri dan tabiatnya sebagai contoh guru, jururawat, doktor pakar wanita dan kanak-kanak

Sesungguhnya saya boleh jelaskan bahawa pembawaan perspektif Islam yang betul membolehkan wanita Islam memiliki penghormatan dan kedudukan yang tinggi di mana sahaja, tetapi jikalau terdapat dikalangan mereka bekerja dalam bidang yang tidak sesuai dengan tabiat wanita di beberapa tempat Negara Timur, ini menunjukkan tempat tersebut tidak melaksanakan ajaran Islam.Firman Allah:

"*Dan di antara tanda-tandaNya, bahawa Dia mencipta jodoh untukmu dari dirimu (bangsamu), supaya kamu bersenang-senang kepadanya dan Dia mengadakan sesama kamu kasih sayang dan rahmat. Sesungguhnya tentang demikian itu, menjadi*

ayat (tanda) bagi kaum yang memikirkan.”. Surah Ar-Rum ayat 21.

<u>Pembohongan musuh-musuh Islam</u>

Ideologi-ideologi buruk yang terang-terang menentang Islam di dalam buku-buku karangan musuh-musuh Islam adalah tidak betul .Mereka bukanlah benar dalam menyatakan keburukkan Islam di dalam penulisan-penulisan yang mereka sebarkan di seluruh pelusuk dunia.

Kerajaan yang adil perlu mengetahui terlebih dahulu perkara sebenar bagi sesuatu isu sehingga mampu menyatakan pandangan yang betul mengenai isu tersebut. Tetapi jelasnya, mereka itu bekerja untuk kepentingan aliran penjajah. Oleh itu mereka berdiam diri dengan penindasan yang dilakukan oleh Negara barat terhadap Negara timur yang lemah. Barat mendakwa bahawa mereka memerangi perhambaan dan membantu orang-orang yang lemah.

Cara yang mudah untuk melemahkan dan

mencemarkan sesuatu umat ialah dengan menyalurkan arak-arak dan pelacur-pelacur di penempatan mereka.

Adakah perkara ini merupakan pengislahan yang dikemukakan oleh Barat terhadap Timur?

Persamaan dan persaudaraan menurut Islam

Islam merupakan agama penyatuan dan persamaan antara manusia di sisi penciptanya, walaupun berbeza tempat dan bangsa tetapi mereka tetap melazimi sifat tolong menolong di antara mereka serta saling berhubung dan berkasih sayang. Contohnya orang kaya menolong orang miskin. Ini merupakan kewajipan bersama yang wujud di dalam peraturan alam.

Sesungguhnya kedudukan dan perbezaan bangsa, warna kulit dan budaya tiada menurut Islam,kerana di sisi Islam seluruh manusia adalah merupakan keluarga tunggal yang bercampur warna kulit di bawah penyatuan

tali persaudaraan.

Firman Allah :

“ *Hai manusia, sesungguhnya kami menjadikan kamu dari laki-laki dan perempuan (ibu dan bapa) dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan suku-suku, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang termulia di antara kamu di sisi Allah, ialah orang yang lebih takwa. Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha amat mengetahui* ” Surah Al-Hujurat, ayat 13.

Pendirian Individu

Islam menggalakkan seseorang berpandangan dan menghormati pegangan masing-masing yang betul mengikut kefahaman agama yang suci iaitu Islam.

Firman Allah :

“ *Katakanlah : Hanya Aku ajarkan kepadamu satu pelajaran, bahawa kamu berdiri kerana*

Allah berdua-dua atau berseorangan kemudian kamu fikirkan ” . Surah Saba`, ayat 46.

Islam dan Ilmu Pengetahuan

Islam mengira bahawa antara kewajipan setiap orang muslim ialah menimba ilmu sebanyak yang mampu.

Firman Allah :

“ *Allah meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang menuntut ilmu beberapa darjat* ” . Surah Al-Mujadalah, ayat 11.

Kerja

Bersabda Rasulullah s.a.w : (“ Berilah upah kepada buruh sebelum peluhnya kering ”). Maka setiap pekerjaan yang memberi faedah untuk kehidupan manusia adalah amalan mulia manakala pengangguran adalah dosa.

Teori Ekonomi menurut Islam

Kerajaan Islam perlu memberi jaminan dalam menempung keperluan asas bagi setiap

penduduk samada dalam bentuk tempat tinggal, makanan dan juga pakaian.

Teori ekonomi Islam telah dilaksanakan oleh kurun-kurun yang terdahulu sehingga mendapat kejayaan yang amat baik. Islam menjamin hasil kerja kepada pekerja samada pekerja itu kecil mahupun dewasa mengikut bidang pekerjaan yang di buat. Pemilikan harta seseorang adalah hasil daripada kerjayanya yang bersungguh-sungguh. Sebab itulah Islam memuliakan pemilikan harta individu di samping itu menjaga kepentingan kerja dan juga kehidupan harian.

Harta Pusaka menurut Islam

Menjadi fitrah manusia, menonjolnya seseorang itu di sebabkan namanya kekal di muka bumi, ini dapat dirasai ketika mana anak-anak dan cucu-cucunya menukil namanya selepas kematiannya. Untuk mencapai hasrat itu manusia bekerja bersungguh-sungguh untuk simpanan mereka. Simpanan seperti ini dikira sebagai faktor yang penting dalam membangun iaitu harta

pusaka. Dalam masa yang sama perwarisan harta juga dianggap wasilah untuk mengagihkan kekayaan menurut Islam kerana isteri, anak-anak samada lelaki atau perempuan dapat mewarisi kekayaan ayahnya. Jikalau seseorang bapa ketiadaan anak, kekayaannya akan diwarisi oleh isterinya secara berkongsi dengan bapa dan adik-beradik kepada si mati.

Perwarisan harta pusaka dianggap sebagai wasilah agihan kekayaan yang mengganti daripada terkumpulnya harta di tangan golongan tertentu yang boleh membawa kepada sistem feudal. Perwarisan ini juga melahirkan keadilan dan kasih sayang di antara anak-anak dan juga kaum kerabat.

Islam mengganggap seseorang manusia itu sebagai pengurus kepada hartanya yang mana harta itu adalah harta Allah yang sebenarnya. Sebab itu diwajibkan ke atas pemimpin mengurus harta dalam memberi khidmat kepada manusia.

Firman Allah :

“ Janganlah kamu berikan harta orang-orang safih kepadanya, sedang Allah menjadikan kamu untuk memeliharakannya dan berikanlah belanja dan pakaian untuk mereka daripada hartanya itu, serta katakanlah kepadanya perkataan yang baik ” . Surah An-Nisa`, ayat 5.

Maka orang yang bodoh dihalang daripada menguruskan hartanya sendiri, ianya bererti sekalipun seseorang individu itu memiliki harta, namun harta tersebut merupakan barang manfaat kaum kerabat. Seseorang individu(bodoh) yang mengendalikan hartanya, wajiblah ke atasnya mewasiatkan kepada seseorang daripada kaum kerabatnya.

Perniagaan

Perniagaan merupakan salah satu tulang belakang dalam ekonomi Islam. Ia dikira 9/10 daripada jaminan keuntungan. Oleh sebab itu Islam mewajibkan sebahagian prinsip-prinsip yang mantap demi menjamin sifat amanah di dalam urusan perniagaan.

Monopoli

Memonopoli makanan hingga menyebabkan harga makanan naik dilarang oleh Islam, begitu juga menaikkan harga dalam bentuk umum. Islam telah menetapkan prinsip-prinsip yang boleh mengawal perniagaan antarabangsa mengikut kesesuaian hubungan persaudaraan manusia.

Eksploitasi

Mengekploitasi sesuatu ditolak semua bentuknya supaya kehidupan manusia menjadi mudah. Kerajaan perlu membayar hutang si mati untuk menghalang ketidakseragaman dalam pasaran perniagaan apabila si mati tersebut tidak meninggalkan harta secukupnya untuk membayar perkara yang diperlukan.

Nabi s.a.w bersabda :

“ *Aku lebih utamakan tentang urusan orang-orang mukmin, maka sesiapa yang mati di kalangan orang mukmin lalu meninggalkan hutang, maka atasku yang akan membayarnya dan sesiapa yang meninggalkan harta maka*

harta itu dimiliki oleh pewarisnya ” .

Riba

Riba dilarang sama sekali menurut ajaran Islam kerana kaedah asas menyatakan “ Tiada keuntungan tanpa kerja dan tiada harta tanpa kesungguhan ”.

Firman Allah :

“ Allah menghapuskan (berkat) riba dan menambah (berkat) sedekah dan Allah mengasihi tiap-tiap orang kafir yang berdosa ”. Surah Al-Baqarah, ayat 276.

Sesungguhnya orang yang mengamalkan amalan riba telah diumpamakan dalam Al-Quran sebagai orang yang dibantingkan syaitan kerana gila. Orang yang mengamalkan riba sentiasa bersifat individu sehingga tiada perasaan belas kasihan.

Tabiat Islam

Sesungguhnya Islam adalah agama tunggal di bumi yang diturunkan untuk seluruh manusia dan sepanjang zaman, sebabnya adalah :

1) Zahirnya Islam itu sebagai agama yang boleh diterima manusia waras yang menganutinya dengan sebab dorongan peribadi dan akalnya tanpa berhajat kepada keterangan atau pendahuluan.
2) Agama Islam diturunkan kepada semua rasul untuk kaum-kaum yang sesat disebabkan kejahilan, mengikut hawa nafsu dan mematuhi orang yang cuba menghalang jalan-jalan para rasul.
3) Dituntut orang yang memeluk Islam beriman kepada seluruh nabi-nabi dan rasul-rasul samada mengetahui nama-nama mereka atau tidak.
4) Agama yang mengangkat martabat akal sehingga menjadikannya sebagai pengukur dalam berhujah yang membawa kesan kepada keimanan, akhlak masyarakat dan individu. Islam juga memberi kepada akal hak dalam menilai dan mengukur.
5) Agama yang menyeru kepada persamaan antara semua dan mengkritik kecenderungan kaum yang

bermatlamatkan perbezaan antara manusia dan juga jenis.

Firman Allah :

" Wahai manusia, sesungguhnya kami jadikan kamu daripada lelaki dan perempuan (ibu dan bapa) dan kami ciptakan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak untuk mengenali di antara satu sama lain, sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah adalah orang yang bertakwa di kalangan kamu" . Surah Al-Hujurat, ayat 13.

Dan sekarang wahai saudara-saudaraku saya harap kamu semua dapat membaca buku kecil ini dengan penuh perhatian dan dapat membahagikan sebahagian waktu kamu untuk pengajian agama Islam ini demi mempertahankan serangan-serangan yang dibawa oleh orang yang mereka-reka tanpa ilmu. InsyaAllah kita akan menjadi orang yang bersedia dalam menjawab segala persoalan yang berkaitan dengan Islam.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Matlamat Kami :

Menyebar Islam kepada semua jenis bangsa untuk menyatukan agama di sudut persefahaman insan dan juga membuang sifat permusuhan di kalangan orang yang melampau (ta'asub). Kami bekerja secara bersama dalam membahagiakan manusia dan memberi perunjuk kepada jiwa yang sesat kearah jalan yang lurus yang mana jalan tersebut membawa kita kepada kehidupan yang bahagia lagi diredhai.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh